

16/01/1999

Spratly: AS tidak perlu campur tangan

ALOR STAR, Jumaat - Malaysia tidak memerlukan campur tangan asing, termasuk daripada Amerika Syarikat, dalam menyelesaikan tuntutan bertindih ke atas Kepulauan Spratly, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, pertikaian berhubung hak milik kepulauan yang kaya dengan hasil minyak itu harus diselesaikan antara negara-negara yang menuntutnya.

"Tidak perlu bagi Amerika campur tangan dalam soal tuntutan itu, kita boleh menyelesaikan sesama kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Islam Al Bukhary di sini.

Beliau diminta mengulas laporan bahawa Amerika bersedia menjadi orang tengah menyelesaikan tuntutan itu. Kepulauan Spratly dituntut sebahagian atau sepenuhnya oleh China, Filipina, Vietnam, Taiwan, Malaysia dan Brunei.

Selasa lalu, Setiausaha Pertahanan Filipina, Orlando Mercado, sepulangnyanya dari lawatan ke Amerika Syarikat berkata, Setiausaha Pertahanan negara itu, William Cohen mencadangkan mesyuarat dengan semua negara Asia, termasuk Malaysia yang menuntut sebahagian kepulauan itu.

Ditanya mengenai hasrat Filipina mengadakan mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata, itu terpulang kepada negara berkenaan tetapi Malaysia tetap berpendirian tidak mahu pihak lain campur tangan.

Mengenai dakwaan media asing bahawa Malaysia tidak mempunyai dana mencukupi bagi memulihkan ekonomi, Dr Mahathir berkata, pihak lain boleh menyatakan apa saja yang mereka suka.

"Tetapi kita tengok keliling kita... adakah nampak kemiskinan di Malaysia. Mereka amat iri hati dan benci kerana kita tak minta tolong daripada mereka tetapi boleh hidup sempurna," katanya.

Sambil merujuk kejayaan Kempen Pemilikan Rumah selama sebulan yang berakhir 12 Januari lalu, Dr Mahathir berkata: "Kita boleh jual 42,000 rumah bernilai RM3.8 bilion. Saya nak tahu di mana tempat lain yang boleh buat, termasuk di negeri orang yang cakap itu."

(END)